

BENTUK KERTAS SOALAN

1. Kertas Pendidikan Islam (1223/1) mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Bahagian A mengandungi 20 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D serta 20 soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih mana-mana satu soalan berikutnya. Kesemua tiga soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Ceraikan kertas jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.

NO SOALAN	BAHAGIAN B CERAIAN SOALAN	MARKAH	JUMLAH MARKAH
1a	i. Akidah ii. Akidah iii. Akidah iv. Akidah	2 2 4 2	20
1b	i. Akidah ii. Akidah iii. Akidah	4 4 2	
2a	i. Ibadat ii. Ibadat	2 4	20
2b	i. Ibadat ii. Ibadat iii. Ibadat	2 4 2	
2c	Nyatakan hukum dan alasan i. ii. iii.	2 2 2	
3a	i. Adab dan Akhlak Islamiah ii. Adab dan Akhlak Islamiah iii. Adab dan Akhlak Islamiah	2 4 4	20
3b	i. Sirah Nabawiah dan Tamadun Islam ii. Sirah Nabawiah dan Tamadun Islam iii. Sirah Nabawiah dan Tamadun Islam	4 4 2	

4a	i.	Adab dan Akhlak Islamiah	4	20
	ii.	Adab dan Akhlak Islamiah	4	
	iii.	Adab dan Akhlak Islamiah	2	
4b	i.	Sirah Nabawiah dan Tamadun Islam	2	
	ii.	Sirah Nabawiah dan Tamadun Islam	4	
	iii.	Sirah Nabawiah dan Tamadun Islam	4	

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya tahap pencapaian calon adalah baik. Bilangan calon yang mendapat cemerlang pada tahap memuaskan manakala sebahagian besar calon berada pada tahap sederhana dan segelintir calon masih berada pada tahap lemah.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Bahagian A

1. Calon dapat menjawab soalan dengan tepat.
2. Ramai calon mendapat markah yang tinggi.

Bahagian B

1. Jawapan menepati peraturan pemarkahan.
2. Persembahan jawapan tepat, jelas dan kemas.
3. Menulis jawapan dengan fakta dan huraian yang jelas.
4. Berjaya mengemukakan isi jawapan melebihi daripada yang dikehendak.
5. Penyampaian dan penyusunan jawapan amat baik dan bertepatan dengan tugas soalan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Bahagian A

1. Calon dapat menjawab dengan baik.
2. Ramai calon mendapat markah yang agak baik.
3. Soalan mengisi tempat kosong boleh dijawab dengan memuaskan.

Bahagian B (Subjektif)

1. Kebanyakan calon boleh menjawab dengan baik soalan 1 dan soalan 2. Manakala jawapan bagi Soalan 1 (b) (i) (ii) (iii), Soalan 3 (b) (i) (ii) (iii) dan Soalan 4 (a) (i), kurang memuaskan menyebabkan ramai calon kehilangan markah.
2. Kebanyakan calon sering memberikan isi yang berulang yang menyebabkan mereka kehilangan markah.
3. Penyampaian dan penyusunan jawapan sederhana dan masih sesuai dengan kehendak tugas soalan.

4. Terdapat banyak juga persembahan jawapan yang memerlukan pentafsiran peraturan pemarkahan dengan teliti.

Calon Dalam Kumpulan Rendah.

Bahagian A

1. Calon tidak dapat menjawab dengan tepat.
2. Lemah menjawab bahagian mengisi tempat kosong dan sering melakukan kesilapan dengan memberi dua jawapan pilihan.
3. Gagal mendapat skor markah yang baik.

Bahagian B

1. Jawapan tidak menepati peraturan pemarkahan.
2. Persembahan jawapan tidak tepat dan kurang jelas.
3. Menulis jawapan tanpa fakta dan huraian yang jelas.
4. Tidak berjaya mengemukakan isi jawapan seperti yang dikehendakki.
5. Penyampaian dan penyusunan jawapan lemah dan tidak tepat dengan kehendak tugas soalannya.
6. Calon gagal menguasai istilah-istilah tertentu seperti an-Nasihah, Dewan al-Kharaj, Hujjatul Islam, Mikat Makani dan lain-lain.
7. Calon juga tidak dapat memberikan jawapan yang tepat bagi soalan hukum dan alasan.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1a(i)

- (i) Syirik khafi ialah tidak meletakkan Allah S.W.T. sebagai yang mutlak dalam niat sesuatu ibadah.

Nyatakan **dua** contoh syirik khafi.

[2 markah]

Contoh jawapan yang baik

~~1 - riak~~ p1
~~- takabbur~~ p3
~~- berbangga dengan kelebihan diri sendiri.~~

Calon boleh mengemukakan dua jawapan dengan tepat dan jelas. Isi melebihi daripada yang dikehendaki. Jawapan kemas.

Contoh jawapan yang sederhana

Dua contoh syirik khafi: ialah ?
a) mengagungkan agama lain ✓
b) mempercayai kuasa tangan atau azimat ✓
c) tauhid p3
d) sombong p3

1223/1-191-02

Calon hanya mengemukakan satu jawapan sahaja. Jawapan yang betul berulang, Jawapan yang diberikan mengenai contoh syirik Jali bukan syirik Khafi . Memberikan contoh kepercayaan bukan amalan.


Contoh jawapan yang lemah

(a) (i) Contoh syirik khafi

- menyembah pokok ✓
- melakukan penyembahan perajaan kubur ✓

Tidak menepati kehendak soalan. Memberi contoh syirik Jali bukan syirik Khafi.

Soalan 1a(ii)



(ii) Gambar di atas berkaitan dengan amalan syirik yang berlaku dalam masyarakat.

Nyatakan **dua** contoh lain amalan tersebut.

[2 markah]

Contoh jawapan yang baik

ii. 2 contoh lain :-

* menyembah bechala.	* mempercayai tangkal memberi kuasa sakti.
* memuja jin dan syaitan.	* mempercayai binatang bawa tuah.

Calon boleh mengemukakan dua contoh jawapan dengan tepat dan jelas. Isi mencukupi.

Contoh jawapan yang sederhana

(ii) - mengguna tangkal yang dianggap membawa tuah.
- mempercayai unsur tidak baik (pembawa siul)
- mempercayai kekuatan makhluk halus

1223/1-S1(A)(11)-02

Kehendak soalan ialah menerangkan amalan tetapi calon mengemukakan jawapan tentang kepercayaan. Betul 1 isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

ii. 2 contoh lain.

- Menganggap burung gagah pembawa siul.
- Bidalah dhalolah
- mempercayai kuasa bomoh.

Tidak menepati kehendak soalan. Jawapan bukan amalan syirik.

Soalan 1a(iii)

- (iii) Jelaskan **dua** cara bagaimana anda mengelakkan diri daripada amalan syirik. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

iii. 2 cara mengelak diri daripada amalan syirik :-
* mempertingkatkan ibadah kepada Allah s.w.t. dengan berzikir, membaca Al-Quran dan berdoa.
* mendalami ilmu agama dan mengamalkan ilmu itu.
* menjauhkan diri daripada orang yang melakukan syirik.

Calon boleh mengemukakan dua jawapan dengan tepat dan jelas dan berupaya memberikan isi jawapan yang lebih. Cara menjawab kemas.

Contoh jawapan yang sederhana

iii) Cara mengelak daripada amalan syirik
i - Memohon sesuatu hal yang kepada Allah
ii - Sentiasa berdoa memohon perlindungan Allah.

Calon mengemukakan jawapan yang sama isi. Oleh itu calon mendapat markah untuk satu isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

a) iii - Cara mengelak diri daripada amalan syirik.
- Sentiasa menjauhi perbuatan menyipu dan berbohong.

Tidak menepati kehendak soalan. Jawapan menerangkan mengenai menjauhi dosa besar bukan amalan syirik.

Soalan 1a(iv)

(iv) Apakah akibat perbuatan syirik tersebut terhadap individu muslim?
[2 markah]

Contoh jawapan yang baik

(iv) Akibat perbuatan syirik terhadap individu muslim.

- Membatalkan ^{p1}keimanan dan merosakkan akidahnya kepada Allah s.w.t.
- ^{p2}Di berdosa ^{p2}besar dan dimurkai oleh Allah s.w.t.
- ^{p3}Segala amalan kebajikannya di dunia ^{p3}tidak dikira dan dicampakkan ke dalam ^{p3}api neraka.

Calon boleh mengemukakan dua jawapan dengan tepat dan jelas serta memberikan isi jawapan lebih daripada yang dikehendaki. Ini menunjukkan calon faham kehendak soalan.

Contoh jawapan yang sederhana

Tiada calon sederhana kerana soalan hanya memerlukan satu isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

(iv) Akibat syirik terhadap individu muslim.

- terputus hubungan suami isteri dengan isterinya secara automatik.
- tidak layak mendapatkan harta pusaka saudaranya yang Islam.

Calon mengemukakan jawapan yang salah. Calon menerangkan kesan terbatal iman bukan akibat perbuatan syirik.

Soalan 1b(i)

(i) Syiah Imamiyah ialah satu kumpulan mazhab Syiah.

Jelaskan **dua** pendapat kumpulan ini tentang jawatan pemimpin umat Islam.

[4 markah]

Contoh jawapan yang baik

(b) (i) 2 pendapat syiah imamiyah tentang jawatan pemimpin umat Islam.

- Jawatan^{p2} pemimpin umat Islam hanya layak diandang oleh ahli^{p1} Bait raitu imam^{p4} mereka yang 12.
- Menganggap imam mereka adalah maksum^{p3} tetapi tidak menerima^{p6} wahyu dan m...
- Jawatan imam adalah sama seperti^{p2} kenabian cumi imam tidak mendapat^{p6} wahyu dan mukjizat. (2011-51(b)4)

Calon dapat memahami kehendak soalan dan boleh menjawab dengan tepat. Memeberikan isi jawapan melebihi daripada yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana

b). (i) - Menjadikan Saidina Ali bin Abn~~u~~ Talib sebagai khalifah ✓

- Hanya ahli^{p1} Ahlul Bait sahaja yang boleh mewarisi pentadbiran
- Tidak menerima^{p1} hukum yang dikeluarkan selain daripada Ahlul Bait.

Calon hanya mampu mengemukakan satu jawapan yang betul.

Contoh jawapan yang lemah

i) - pemimpin umat Islam mesti berketurunan^{p1} khalifah. ✓

- pemimpin umat Islam mesti tegas, bijaksana dan warak. ✓

Calon gagal mengemukakan fakta yang betul. Calon menerangkan pendapatnya mengenai sifat seorang pemimpin bukan pendapat kumpulan syiah Imamiyah mengenai jawatan pemimpin umat Islam.

Soalan 1b(ii)

- (ii) Terangkan dua iktikad Syiah Batiniyah yang berbeza dengan Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

- ii) 2 Iktikad Syiah Batiniyah yang berbeza.
- i - Al-Quran mempunyai makna lahir dan makna batin yang hanya difahami oleh imam-imam mereka.
 - ii - Saidina ~~Ali~~ dan imam-imam mereka adalah tuhan.

Calon dapat mengemukakan 2 iktikad Syiah Batiniyah yang berbeza dengan Ahli Sunnah Waljamaah dengan tepat.

Contoh jawapan yang sederhana

- ii. 2 iktikad Syiah Batiniyah yang berbeza :-
- * perbuatan zina dielakkan dengan nikah batin
 - * saidina Ali dianggap sebagai tuhan
 - * pelaku dosa besar dianggap sebagai kafir
 - * mengatakan bahawa Al-Quran adalah makhluk dan pancaindera Allah s.w.t.
 - * alam ini bersifat qadim dan terjadi dengan sendirinya.

Calon memberikan banyak fakta tetapi bukan fakta berkaitan Syiah Batiniyah. Calon hanya mengemukakan satu sahaja fakta yang tepat.

Contoh jawapan yang lemah

Dua iktikad syiah batiniyah yang berbeza dengan ahli sunnah waljamaah ialah ahli sunnah waljamaah memegang prinsip Al-Quran dan sunnah menjadi panduan hidup tetapi syiah batiniyah memegang prinsip batin merupakan panduan hidup mereka. Satu lagi iktikad ialah ahli sunnah waljamaah pelaku dosa besar mesti meminta ampun dan bertobat tetapi syiah batiniyah tidak beranggapan begitu begitu.

Calon mengemukakan fakta Syiah yang lain (bukan Batiniyah)

Soalan 1b(iii)

(iii) Apakah perbezaan pendapat Syiah Zaidiyah dengan Ahli Sunnah Waljamaah tentang pelaku dosa besar? [2 markah]

Contoh jawapan yang baik

(iii) Perbezaan pendapat Syiah Zaidiyah dengan dengan ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Syiah Zaidiyah ^{menganggap} berada di antara keimanan dan kekefuran bahawa orang yang melakukan dosa besar adalah kafir dan matakala ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menganggap orang yang berdosa besar masih ditiada sebagai mukmin dan tetapi tergolong dalam golongan orang yang fasik .

Calon dapat memberikan perbezaan pendapat Syiah Zaidiah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah dengan tepat.

Contoh jawapan yang sederhana

iii. Perbezaan tentang pelaku dosa besar :-

Syiah Zaidiyah	Ahli Sunnah Waljamaah
* pelaku dosa besar dianggap sebagai orang kafir	* pelaku dosa besar masih mempunyai iman dan bukan orang kafir, tetapi dia adalah fasik kerana berbuat dosa besar.

Calon mampu memberikan perbezaan tetapi hanya satu fakta sahaja yang betul.

Contoh jawapan yang lemah

- (iii) - pelaku dosa besar bagi Saidiyah tidak dikenakan hukuman tetapi dimaafkan jika pesalah tidak berniat melakukan perkara tersebut ✓
- pelaku dosa besar bagi Syah Saidiyah akan menerima balasan diakhirat sahaja ✓
- pelaku ~~pes~~ dosa besar ^{bagi ahli sunnah waljamaah} akan dikenakan hukuman didunia jika tidak ia akan dikenakan hukuman di akhirat ✓

Semua fakta yang diberikan adalah salah. Jawapan hanyalah andaian calon.

Soalan 2a(i)

- (i) Nyatakan **dua** ciri binatang ternakan yang sah untuk dijadikan korban. [2 markah]

Contoh jawapan yang baik

- 2a) i. dua ciri binatang ternakan yang sah untuk dijadikan korban ialah
- mempunyai badan yang sehat dan gemuk P2
 - Cukup umur untuk dikorbankan P1
 - Tidak cacat dan terhindar dari sebarang penyakit P3

Calon dapat memberikan dua ciri binatang korban dengan tepat. Isi jawapan lebih daripada yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana

- Binatang yang halal ✓ dan
binatang yang tidak cacat ✓ P3

Calon mengemukakan jawapan yang bercampur dengan syarat sah sembelihan tetapi masih boleh memberi satu ciri yang tepat.

Contoh jawapan yang lemah

- 29-1 Ciri binatang sah dijadikan korban.
- Halal dimakan. x
 - Binatang peliharaan. x
 - Masih hidup. x
 - Disembelih oleh orang Islam. x

Calon menerangkan syarat-syarat sah sembelihan bukan ciri binatang korban. Semua jawapan adalah salah.

Soalan 2a(ii)

(ii) Huraikan dua perbezaan di antara ibadah korban dengan akikah.

[4 markah]

Contoh jawapan yang baik

2 perbezaan korban dengan akikah	
Korban	Akikah
- Dilakukan pada hari raya ^{1 p1} aidi'l adha	1- boleh dilakukan pada ^{1 p1} bila-bila masa
- Daging diagihkan kepada orang ramai ^{1 p4} tanpa dimasak	2- Daging dibuat ^{1 p4} masakan manis.

Calon dapat memberikan dua perbezaan antara korban dengan akikah dengan tepat dalam bentuk kolom yang sesuai dan mudah difahami.

Contoh jawapan yang sederhana

ii. dua perbezaan diantara ibadah korban dengan akikah

KORBAN	AKIKAH
- dilakukan pada hari ^{1 p1} tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijjah	- dilakukan sempena kelahiran bayi pada ^{1 p1} hari masa 3 dan yang paling awal selepas hari ketujuh bayi itu lahir
- daging ^{1 p3} dibagikan kepada orang ramai ^{1 p3} makan	- daging ^{1 p3} dibagikan kepada orang ramai

Adalaknya calon mengemukakan perbezaan yang sama situasinya tetapi hanya satu fakta sahaja yang tepat, menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh.

Contoh jawapan yang lemah

2-9 11). Perbezaan diantara ibadat korban dgn akikah	
Korban	Akikah
1. Menyembelih binatang pada hari raya ^{P1} aidi'adha.	Menyembelih pada hari Maulud nabi ✗
2. Melibatkan beberapa ekor binatang yang akan disembelih.	Melibatkan satu binatang sahaja yang disembelih ✗
3. Bani secara mentah	- } Koda perbezaan. ✗
4. Wajib.	

Calon mengemukakan perbezaan yang sama situasinya tetapi hanya satu fakta sahaja yang tepat, menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh.

Soalan 2b(i)

(i) Hukum berkahwin berbeza-beza mengikut keadaan individu.

Bilakah hukum itu menjadi haram?

[2 markah]

Contoh jawapan yang baik

(b) i) Haram bila seorang lelaki itu tidak boleh memberikan nafkah ^{P1} zahir dan batin serta boleh memudaratkan ^{P2} fizikal bakal isteri.

Calon dapat memberikan dua isi yang diperlukan iaitu tidak mampu zahir dan batin dan akan memudaratkan isterinya. Jawapan adalah tepat dan jelas.

Contoh jawapan yang sederhana

Jawapan hanya perlu satu isi sahaja untuk 2 markah.

Contoh jawapan yang lemah

Hukum kahwin menjadi haram jika mengahwini seseorang dengan ibu suruan yang sama. Contohnya adik - beradik ✗

Calon tidak dapat mentafsir kehendak soalan menyebabkan mereka memberi jawapan yang salah dan tidak mendapat markah.

Soalan 2b(ii)

(ii) Perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang keluarga Islam mendatangkan pelbagai masalah.

Terangkan **dua** implikasi daripada perkahwinan tersebut. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

ii) 2 implikasi :-
- Perkahwinan yg. di'ina tidak sah.
- Tidak mendapat rahmat dan keberkatan Allah s.w.t.
- berpandangan hina dan seronok oleh masyarakat lain.
- sering berlaku persaduan didalam keluarga.

Calon dapat menjawab dengan tepat serta berupaya memberikan isi yang lebih dari yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana

perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang keluarga Islam mendatangkan pelbagai masalah.
implikasi daripada perkahwinan tersebut ialah
- perkahwinan tidak sah bertepatan dengan hukum.
- suami-isteri sentiasa mewujudkan pergaduhan atau persengketaan.
- kehidupan sebagai suami isteri tidak aman dan harmoni.
- suami-isteri mungkin kehidupan yang tidak bahagia.
- tidak ada sifat tolong menolong antara suami dan isteri.

Calon boleh menjawab dengan baik, tetapi banyak isi yang berulang, menyebabkan calon gagal mendapat markah penuh.

Contoh jawapan yang lemah

- dua implikasi
- Perkahwinan tanpa ~~perundingan~~ ibu bapa.
- Perkahwinan tanpa ~~perundingan~~ ibu bapa &
- Perkahwinan tanpa ~~perundingan~~ &

Calon tidak memahami kehendak soalan. Jawapan yang diberikan adalah sebab perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang keluarga Islam, bukannya implikasi. Calon gagal mendapat sebarang markah.

Soalan 2b(iii)

(iii) Apakah peranan ibu bapa dalam menangani masalah perkahwinan ini?
[2 markah]

Contoh jawapan yang baik

- Peranan ibu bapa dalam menangani masalah perkahwinan ini
- Menasihati ^{p3} pasangan tersebut
 - Membantu menangani ^{p4} masalah rumah tangga
 - menitik beratkan ^{p1} terhadap rumah tangga pasangan
 - memberi semangat ^{p3} kepada pasangan.

Calon dapat menjelaskan peranan ibu bapa dengan baik. Calon mengemukakan banyak isi.

Contoh jawapan yang sederhana

Tiada jawapan yang sederhana kerana soalan memerlukan satu sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

Peranan ibu bapa dalam menangani masalah perkahwinan ini

- menunjukkan kasih sayang sesama suami isteri dengan menyambut hari perkahwinan mereka setiap tahun. ✗
- Suami haruslah memasihati isteri supaya tidak melakukan perkara curang terhadapnya. ✗
- Suami haruslah melayan isteri dengan baik. ✗

Jawapan calon tidak merujuk kepada peranan ibu bapa dalam masalah perkahwinan anak-anak, tetapi lebih kepada membina kebahagiaan pasangan tersebut.

Soalan 2c(i, ii dan iii)

Nyatakan hukum dan alasan bagi pernyataan berikut:

- En. Zaini menyewakan rumahnya dengan bayaran sewa yang ditetapkan oleh penyewa. [2 markah]
- Puan Fatimah berkahwin dengan lelaki pilihannya selepas dua minggu diceraikan oleh suaminya tanpa disetubuhi. [2 markah]
- Puan Aisyah telah menuntut fasakh di Mahkamah Syariah Selangor kerana suaminya tidak berlaku adil mengikut syarak dalam melayani isteri-isterinya. [2 markah]

Contoh jawapan yang baik

- hukumnya sah kerana bayaran sewa boleh ditetapkan oleh kedua-dua pihak.
- hukumnya sah kerana tiada tempoh idah bagi perempuan yang belum disetubuhi.
- hukumnya sah kerana fasakh membenarkan isteri membatalkan perkahwinan apabila berlaku tidak adil.

Calon berjaya memberikan hukum dan alasan dengan tepat pada semua soalan.

Contoh jawapan yang sederhana

c) hukum dan alasan.

i) hukumannya ~~salah~~ tidak sah

- kerana bayaran sewa ditetapkan oleh penyewa. ✓

ii) hukumannya ~~salah~~ sah

- kerana telah diceraikan walaupun ~~tanpa~~ disetubuhi. ✓

iii) hukumannya ~~salah~~ sah

kerana tidak berlaku ~~salah~~ dalam melayani isterinya. ✓

Calon hanya berjaya memberikan hukum dan alasan pada soalan ii dan iii sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

c) i) ~~Haram~~ kerana ia perlu mengikut persetujuan antara penyewa dan pemberi sewa tentang bayaran sewa.

ii) ~~Sah~~ kerana dia telah diceraikan oleh suaminya secara sah. ✓

iii) ~~Wajib~~ kerana suami tidak berlaku adil dan membolehkan pembatalan sesuatu perkahwinan.

Calon hanya berjaya memberikan satu jawapan hukum yang betul pada soalan ii, manakala hukum bagi soalan i dan iii serta semua alasannya adalah salah.

Soalan 3a(ii)

(i) Allah S.W.T. memerintahkan kita mentaatinya, RasulNya dan ulil amri (orang yang berkuasa).

Siapakah ulil amri (orang yang berkuasa) yang wajib ditaati? [2 markah]

Contoh jawapan yang baik

3 (a) i) ulil amri (orang yang berkuasa) yang wajib ditaati:

- Pemimpin negara atau khalifah.

Calon berjaya memberikan maksud ulil amri dengan tepat.

Contoh jawapan yang sederhana

Tiada contoh jawapan sederhana

Contoh jawapan yang lemah

Ulil amri yang wajib ditaati ialah :-
- Swami α
- Bap Ibu bapa. α

Calon tidak memahami maksud ulil amri, menyebabkan mereka memberikan jawapan yang salah.

Soalan 3a(ii)

(ii) Nyatakan empat ciri ulil amri yang wajib ditaati. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

Soalan 3 (a) (ii)

Ciri ulil amri yang wajib ditaati

- 1) Berakhlak mulia ^{P5}
- 2) Mengamalkan ajaran Islam ^{P3} sebenar dalam kehidupan dan taat kepada perintah Allah
- 3) Berlaku adil ^{P7} dalam pemerintahannya.
- 4) Warak ^{P2} dan berpengetahuan luas ^{P4} tentang agama.
- 5) Bijaksana ^{P4} dalam menyelesaikan masalah
- 6) Tidak menggunakan ^{P4} kuasa yang ada ^{ada} padanya untuk kepentingan sendiri
- 7) Menjadikan Al-Quran ^{P2} dan Al-Hadith sebagai sumber rujukan dalam pemerintahannya.
- 8) Sabar ^{P5} dalam menyampaikan dakwah tentang Islam
- 9) Menyampaikan dakwah ^{P1} tentang Islam secara berikhtisab

Calon dapat memberikan ciri-ciri ulil amri dengan tepat dan berupaya memberikan isi yang lebih.

Contoh jawapan yang sederhana

(ii) Empat ciri ulil amri, yang wajib ditaati:	
- berlaku adil ^{PT}	
- memerintah berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. ^X	
- taat kepada perintah Allah. ^{P2}	2/4
- pertentangan pemerintah tidak bertentangan dengan syarak. ^{P2}	

Calon berjaya memberikan dua ciri sahaja, manakala jawapan kedua dan ke empat adalah huraian tanggungjawab seorang ulil amri.

Contoh jawapan yang lemah

4 (ii). Empat ciri ulil amri yang wajib diikuti ialah
- Lelaki. ^X
- Balish. ^X
- Merdeka. ^X
- Islam. ^X

Calon mengemukakan syarat seorang pemimpin, bukannya ciri ulil amri.

Soalan 3a(iii)

(iii) Jelaskan dua tanggungjawab ulil amri.

[4 markah]

Contoh jawapan yang baik

9- (iii) Dua tanggungjawab ulil amri ialah:
① menyediakan kemudahan ^{2 PS}
② melindungi negara daripada ancaman musuh ^{2 PS}
③ berlaku adil ^{P6} terhadap rakyat
④ melindungi agama ^{P1} negara.

Calon dapat menjelaskan tanggungjawab ulil amri dengan baik dan jelas, malah dapat mengemukakan banyak isi.

Contoh jawapan yang sederhana

- 2 tanggungjawab ulil amri. 2 p1
- Memperkembangkan dan meluaskan syiar Islam ke serata dunia.
 - Menyampaikan dakwah/dakwah Islamiah secara berhemah dan lemah lembut
 - Memberikan tunjuk ajar kepada mereka yang memerlukan
 - Mengajar umat-umat Islam yang masih jahil dengan ilmu agama

Calon mengemukakan empat isi yang berulang, menyebabkan calon hanya mendapat markah satu isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

- a-111) Tanggungjawab ulil amri
- menunjukkan teladan yang baik

Calon hanya mengemukakan sifat seorang pemimpin, bukannya tanggungjawab pemimpin

Soalan 3b(i)

- (i) Terangkan dengan ringkas sejarah penubuhan kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

- (b) (i) kerajaan Bani Umayyah ditubuhkan oleh Muawiyah yang berketurunan bani Umayyah. Nama kerajaan ini bersempena dengan nama salah satu pemimpin Quraisy yang disegani iaitu Umayyah. Selepas pembunuhan Saidina Ali bin Abi Talib oleh puak Khawarij, pemerintahan dan negara menjadi kacau-kacir dan Hasan bin Ali, anak Saidina Ali telah dilantik menjadi khalifah oleh puak Syiah. Hasan bin Ali menyerahkan pemerintahan negara kepada Muawiyah dengan beberapa syarat. Bermulalah era baru pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.

Calon berjaya memberikan empat isi dengan tepat dan betul.

Soalan 3b(ii)

(ii) Khalifah-khalifah Bani Umayyah sangat mengambil berat terhadap ilmu pengetahuan.

Nyatakan empat tokoh ilmuwan yang terkenal pada zaman tersebut.

[4 markah]

Contoh jawapan yang baik

Tokoh ilmuwan yang terkenal pada zaman K.B. Umayyah

- i - Imam Malik ^{p7}
- ii - Imam Abu Hanifah ^{p2}
- iii - Sibawayhi
- iv - Imam al-Ghazali
- v - Ibnu Sina ^{p3}
- vi - Abu Aswad al-Dawli
- vii - Farazdak ^{p8}

Calon dapat mengemukakan lebih daripada empat tokoh yang dikehendaki.

Contoh jawapan yang sederhana

- Ibnu Sina ^{p3}
- Al-Farabi ^{p7}
- Al-Chawarizmi ^{p1}
- Imam Abu Hanifah ^{p7}
- Imam Malik ^{p8}

Calon berjaya mengemukakan dua tokoh yang betul sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

- 4 tokoh ilmuwan yang terkenal pada zaman Kerajaan Bani Umayyah
- Harun Ar-Rashid ^{p7}
 - Umar Al-Khattab ^{p7}
 - Abu Bakr AS-Siddiq ^{p7}
 - Umayyah ^{p7}
 - Syekh Tahir Jalaluddin ^{p7}
 - Imam Al-Ghazali ^{p7}

Semua tokoh yang diberikan adalah salah.

Soalan 3b(iii)

(iii) Umat Islam pada zaman kerajaan Bani Umayyah berjaya menaikkan martabat diri dan agama Islam di mata dunia.

Apakah tindakan umat Islam masa kini untuk mengembalikan kegemilangan lampau? [2 markah]

Contoh jawapan yang baik

Tindakan umat Islam masa kini

- 1) Mempelajari dan mendalami ² ilmu pengetahuan ³ yang ⁴ besungguh-sungguh ⁵ supaya ⁶ ~~menjadi mahir~~ dan tidak perlu merujuk orang Barat
- 2) Berani berjihad ¹ menentang musuh-musuh Islam
- 3) ~~Menikkan harta~~
- 3) Mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan supaya ³ dipandang mulia oleh orang lain.

Calon berjaya mengemukakan isi yang betul malah boleh memberikan isi yang lebih.

Contoh jawapan yang sederhana

Tiada jawapan sederhana, kerana soalan menghendaki satu isi sahaja.

Contoh jawapan yang lemah

iii) Tindakan umat Islam masa kini untuk mengembalikan kegemilangan lampau ialah.

- Menjadikan kegemilangan lampau sebagai satu contoh atau teladan dalam memajukan sesuatu.
- Sentiasa memohon petunjuk Allah swt.

Calon tidak faham kehendak soalan. Calon menyalin soalan.

Soalan 4a(i)

(i) Nyatakan empat cara berfikir yang berkesan untuk mencapai kejayaan. [4 markah]

Contoh jawapan yang baik

(a)

i- Cara-cara berfikir yang berkesan:

~~a. Berdasarkan Al Quran dan hadis~~

~~b. Berdasarkan bukti dan fakta yang betul~~

~~c. a. mengetahui matlamat berfikir~~ P3

~~d. b. mengetahui tujuan had dan batas berfikir~~ P1

c. mengetahui perkara yang difikirkan P2

d. mengetahui tujuan berfikir P3

Calon dapat memberikan empat isi dengan tepat.

Contoh jawapan yang sederhana

Empat cara berfikir yang berkesan untuk mencapai kejayaan:

1) Mengetahui matlamat berfikir P2

2) Mengetahui cara untuk mencapai matlamat P3

3) Mengetahui menangani risiko P4

4) Berfikir usaha untuk mencapai matlamat P3

Calon berjaya mengemukakan tiga isi dengan tepat, manakala satu isi berulang.

Contoh jawapan yang lemah

1) → 4 cara berfikir yang berkesan untuk mencapai kejayaan.

* Secara terbuka dan rasional P1

* Tidak jemu X

* Merendah diri atas kejayaannya X

* Tidak kenal putus asa X

Calon hanya mengemukakan satu isi yang betul.